



DR. MAHATHIR Mohamad berjabat tangan dengan salah seorang peserta yang turut merakamkan gambarnya dengan telefon berkamera selepas menyampaikan ucapnama, *The Thinking of a Thinker (Pemikiran seorang Pemikir)* pada Seminar Pemikiran di Universiti Islam Antarabangsa, Kuala Lumpur semalam.

Berhati-hati lantik orang asing ketuai MAS

um-30/8/2005

KUALA LUMPUR 29 Ogos — Sebarang langkah untuk melantik orang asing bagi mengetuai Malaysia Airlines (MAS) mestilah dilakukan dengan penuh berhati-hati, khususnya, selepas mengukur respons sama ada beliau akan diterima, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Kita perlu tengok dulu," kata bekas Perdana Menteri itu ketika ditemui selepas menyampaikan ucapnama beliau, *The Thinking of a Thinker (Pemikiran seorang Pemikir)* pada Seminar Pemikiran anjuran Universiti Islam Antarabangsa di sini hari ini.

"Kita perlu fikirkan reaksi

yang mungkin tercetus sebelum melaksanakan gagasan beliau, sama ada orang akan menerimanya ataupun tidak," katanya mengulas laporan baru-baru ini yang mengatakan MAS sedang mencari seorang rakyat asing untuk menerajuinya.

"Mungkin semua syarikat nasional patut dikendalikan oleh orang asing. Kalau begitu, saya rasa kita harus ada definisi lain bagi nasional," katanya.

Dr. Mahathir berkata, baru-baru ini ada sebuah syarikat pengangkutan yang diketuai oleh rakyat asing dan syarikat itu juga tidak memperlihatkan prestasi yang baik.

Kepada syarikat-syarikat nasional yang berkemungkin-

an diketuai oleh rakyat asing, beliau berkata: "Saya ucapkan selamat maju jaya kepada mereka."

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata bahawa beliau mahu rakyat Malaysia mengetuai MAS tetapi bersedia untuk mempertimbangkan rakyat asing sebagai langkah sementara jika tiada rakyat Malaysia yang berkemampuan menerajuinya.

"Bagaimanapun, saya yakin negara ini mempunyai ramai rakyat yang mampu menjalankan tugas itu," katanya selepas menghadiri majlis konvokesyen pertama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) semalam. — Bernama